

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

25 February 2016

## Najib sampaikan watakah pelantikan JKMPKA ke arah membina negara berjiwa muhibah

PUTRAJAYA 24 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyampaikan watakah pelantikan ahli Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian antara Penganut Agama (JKMPKA) kepada seramai 32 orang ketua-ketua agama, para pensyarah, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wakil belia.

Jawatankuasa itu berfungsi sebagai mekanisme dialog untuk mewujudkan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama ke arah membina Malaysia sebagai sebuah negara berjiwa muhibah.

Menurut Perdana Menteri, sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya, semua pertubuhan agama seharusnya menghormati serta patuh kepada Perlembagaan Persekutuan khususnya yang berkaitan agama.

"Oleh itu, untuk terus mengukuhkan negara kita mesti berbalik kepada perlembagaan dan mempunyai rasa kebertanggungjawaban sebagai satu masyarakat berbilang kaum dengan hormat menghormati sesama kaum dan agama," katanya semasa berucap sempena majlis penyampaian watakah pelantikan JKMPKA, di sini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Seri Jamil



NAJIB TUN RAZAK bersama anggota Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) semasa menghadiri majlis penyampaian watakah pelantikan jawatankuasa itu di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut hadir Jamil Khir Baharom (kiri) dan Joseph Kurup (dua dari kiri) serta Pengerusi JKMPKA, Datuk Azman Amin Hassan (dua dari kanan). - BERNAMA

Khir Baharom.

JKMPKA yang ditubuhkan pada 2010 itu juga berperanan untuk menggalak serta memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama dalam usaha mewujudkan persahabatan berteraskan semangat saling hormat-menghormati dan bekerjasama di semua peringkat kepimpinan serta akar umbi.

Sehubungan itu, jelas Perdana Menteri, untuk mencapainya, pertama sekali, negara dan rakyat perlu berbalik dan patuh kepada Perlembagaan Persekutuan khususnya berkaitan agama yang mana Perkara 3 menyatakan Islam adalah agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Kedua katanya, elemen asas iai-

tu mematuhi kedaulatan undang-undang dan ketiga mengamalkan nilai-nilai murni demi mengekalkan pegangan yang bersetuju kepada Rukun Negara iaitu bertindak sebagai falsafah negara.

Bagi teras keempat, beliau berkata, rakyat perlu mencari nilai-nilai teras yang merentasi semua agama dan kaum iaitu kesederbanaan, hormat-menghormati, bekerjasama, semangat memberi dan

menerima, sentiasa bersama dalam mencari penyelesaian masalah dan tidak mewujudkan masalah.

Teras terakhir jelas Najib, rakyat perlu membudayakan dan menjadikan diri masing-masing sebahagian daripada masyarakat yang pelbagai di negara ini dan ini akan mendorong wujudnya suasana kebersamaan, berinteraksi dan sentiasa mengambil tahu antara satu sama lain.